

Malaysia imbangi ilmu Timur, Barat

09 JUL 1994

Daripada A Nazri Abdullah

PARIS, Jumaat - Malaysia sudah mencapai imbangian dari segi mendapatkan ilmu pengetahuan dan peluang perniagaan dengan mempelbagaikan rakan dagang di Timur dan Barat, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, langkah Malaysia menjalinkan hubungan rapat dengan negara bukan sahabat tradisional seperti Perancis adalah sebahagian daripada matlamat kerajaan menjamin masa depan negara supaya tidak bergantung kepada satu pihak saja.

Bercakap kepada wartawan Malaysia di sini, hari ini, Dr Mahathir berkata melalui hubungan yang rapat dengan Perancis, Malaysia dapat menikmati pelbagai faedah dari segi pelaburan, ilmu pengetahuan dan pendidikan.

"Kita hanya mencari apa yang baik di Timur mahu pun di Barat. Dulu kita memandangkan ke

Timur, tetapi kita tidak memutuskan hubungan dengan Barat. Di Barat pun ada yang baik untuk dicontohi," katanya.

Mengenai peluang pendidikan di Perancis, Perdana Menteri menjelaskan Kerajaan Perancis bersetuju menawarkan peluang tempat belajar bagi bahasa Perancis dan kursus Ijazah Lanjutan di bidang perubatan.

"Sudah lama saya bercakap mengenai perlunya rakyat Malaysia menguasai lebih daripada satu bahasa. Harus ada orang Malaysia yang boleh berbahasa Inggeris, Perancis, Arab dan sebagainya. Ini dasar kita tetapi kurang diberi sambutan," katanya.

Dr Mahathir berpendapat, sambutan dingin terhadap seruannya itu berpunca daripada rasa kurang yakin pada diri sendiri sehingga ada yang berpendapat perlunya diperkuatkan identiti

LIHAT MUKA 2

Malaysia imbangi ilmu Timur, Barat

09 JUL 1994

DARI MUKA 1

diri melalui bahasa Melayu.

"Kalau kita yakin pada diri kita, kita boleh belajar apa saja bahasa dan menguasai ilmu dalam bahasa itu tanpa kehilangan identiti diri.

"Apabila kita menguasai pelbagai ilmu, kita akan maju dan orang lain akan mempelajari bahasa Melayu untuk berurusan dengan kita," tegas beliau.

Sebelum itu, Perdana Menteri diraikan dalam jamuan makan tengah hari oleh Perdana Menteri Perancis, Edouard Balladur yang disertai oleh usahawan Perancis.

Perdana Menteri dihujani dengan pelbagai pertanyaan mengenai dasar ekonomi Malaysia dan bantahannya terhadap langkah mengaitkan upah buruh dengan perdagangan antarabangsa.

Mengenai upah buruh, Dr Mahathir menjelaskan di satu ketika Perancis pernah menggunakan ka-

nak-kanak sebagai burul dengan upah yang rendah.

"Malaysia mungkin baru di tahap itu jadi tentulah tidak adil untuk mengaitkan kadar upah dengan perdagangan antarabangsa.

"Persaingan di antara negara kecil dengan negara besar tidak boleh berasaskan keadilan sama rata kerana negara kecil tentunya tidak mampu bersaing dengan negara besar.

"Malaysia sepatutnya gembira jika upah buruh di Indonesia dan Thailand meningkat kerana pekerja mereka tidak akan berhijrah ke Malaysia dan lebih banyak pelabur datang ke Malaysia. Bagaimanapun, cara ini tidak akan memajukan mereka.

"Tidak perlu diadakan paksaan ke atas negara membangun dalam soal ini kerana apabila negara maju, dengan sendirinya upah akan naik," Dr Mahathir menjelaskan.